

Kejayaan hasil kestabilan politik, komitmen perkhidmatan awam

Anwar minta semua pihak beri ruang angkat martabat Malaysia dikenali negara gagah, hebat

Oleh Fatah Marshita Abdul Patah dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kejayaan Kerajaan MADANI sepanjang dua tahun mentadbir negara adalah hasil kestabilan politik, dasar yang jelas serta komitmen perkhidmatan awam, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Turut menzahirkan penghargaan kepada rakyat yang menunjukkan kesediaan bersama-sama kerajaan melonjakkan Malaysia ke persada dunia, Perdana Menteri juga memuji komitmen sektor swasta yang memainkan peranan penting dalam membantu memajukan negara.

Penghargaan juga diberikan kepada badan penguat kuasa yang dianggap beliau berjaya melaksanakan tugas dengan baik dalam memastikan negara sentiasa aman dan selamat.

"Satu kenyataan yang harus diingat, (kejayaan) dimungkinkan kerana sistem politik yang stabil. Kestabilan itu berkat kerjasama pimpinan negara, banyak anjakan dilakukan dan keberkesanan

pelaksanaan dasar.

"Ini kerana komitmen dan iltizam barisan penjawat awam yang menunjukkan kesediaan mereka melakukan *reform* dan perubahan. Pelaksanaan jauh lebih cecap sekarang," katanya pada sesi Townhall Program Dua Tahun Kerajaan MADANI (2TM) dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof bersama barisan anggota Jemaah Menteri serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Sektor swasta, kata Perdana Menteri, memainkan peranan sangat kritikal dalam menjayakan agenda negara melalui kemahiran dan kepakaran mereka, manakala kerajaan hanya menjadi penjana dan pemangkin untuk mempercepatkan proses.

"Penghargaan kepada jentera keselamatan negara seperti tentera, polis dan semua penguat kuasa kerana ini adalah satu asas yang memungkinkan kita maju dalam pelbagai bidang," katanya.

Angkat martabat Malaysia

Anwar juga meminta semua pihak memberi ruang kepada Kerajaan MADANI untuk mengangkat martabat Malaysia supaya dikenali sebagai negara yang gagah dan hebat di seantero dunia.

Dengan kepimpinan sedia ada dan kemampuan penjawat awam



Komitmen dan iltizam penjawat awam menunjukkan kesediaan mereka melakukan perubahan. (Foto hiasan)

serta badan penguat kuasa, Perdana Menteri yakin negara mampu capai hasrat itu dan bersihkan amalan rasuah yang disifatkan sistemik sebelum ini.

Memuji agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), beliau menegaskan, Kerajaan MADANI tidak mengizinkan penyelewengan dan salah guna kuasa selagi mentadbir negara.

"Sebab itu pemahaman perlu, dengar, teliti, jangan permainan isu yang mungkin merosakkan. Sebab itu saya puji tindakan badan penguat kuasa seperti PDRM, SPRM dan LHDN, tak bo-

leh amalan membolot kekayaan negara," katanya.

Jika wujud sebarang perbezaan, Anwar mahu ia dirundingi di semua peringkat kerana tidak ada negara boleh mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi, sekiranya mengalami ketidakstabilan politik.

"Kalau ada kelemahan kita terima, cuba baiki," katanya yang pada sesi sama turut membidas kritikan berhubung isu kos lawatannya bersama delegasi dan syarikat swasta ke lima negara, baru-baru ini.

Tegas Anwar, segala prosedur dipatuhi secara bersih dan teratur, malah rombongan delegasi industri seperti Proton, Petro-

nas, Sapura Energy, Top Glove, syarikat semikonduktor dan lain-lain juga membayar kos sendiri.

"Yang ikut, rombongan syarikat swasta yang berpotensi melabur atau cari pelabur, mereka bayar kos sendiri, itu pun jadi salah? "Jadi, di negara ini, kalau kita layan sangat yang curi, saka dan rompak itu dipuja-puja.

"Tapi kita cuba jalankan program cara bersih, dicerca. Ini dikatakan 'jaman edan'," katanya merujuk kata pujangga Jawa bermaksud kewarasan diketepikan dengan memuja pihak jelas bersalah dan mencela orang lain yang berjuang ke arah kebenaran.